

RAMADHAN d' PALESTIN



Para pejuang kebenaran di bumi Palestin wajib dibantu kerana mereka sebenarnya pahlawan-pahlawan Islam yang tidak rela walau seincipun tanah mereka dikuasai oleh Zionis. Mereka berusaha dan terus berusaha dengan penuh strategi dan bertawakkal kepada Yang Esa agar kemenangan mutlak akan dicapai oleh mereka. Tidakkah menjadi satu kerugian kepada umat Islam jika tidak membantu mereka apatahlagi merekalah yang mengimarahkan Masjid al-Aqsa kiblata pertama umat Islam.

Kemenangan-kemenangan umat Islam banyak berlaku di bulan yang penuh barakah ini. Tidakkah Badar menyaksikan bilangan yang sedikit mengalahkan bilangan yang ramai ! Gambaran ini jelas sedang berlaku kepada rakyat Palestin yang berjuang dengan kebenaran. Mereka dikelilingi oleh rejim zionis yang disokong oleh kuasa besar dunia tetapi tetap mempertahankan walau seinci bumi ini daripada terus dinodai rejim zionis Yahudi. Perjuangan mereka tidak boleh dikhianati melalui pengiktirafan kewujudan negara haram ini dan ramadhan perlu diinsafi bahawa perjuangan membebaskan tanah air umat Islam ini perlu dikongsi bersama seluruh umat Islam.

Janganlah ada yang mengkhianati perjuangan mereka untuk membebaskan Palestin. Allah memperingatkan kita melalui firman-Nya dalam surah al-Anfal ayat 27:

“Wahai orang-orang yang beriman ! Janganlah kamu mengkhianati Allah dan Rasul dan janganlah kamu mengkhianati amanat-amanat yang dipercayakan kepadamu sedang kamu mengetahui”

Borang Penyertaan

Saya dengan ini amat berbesar hati untuk menghulurkan sumbangan kepada saudara se-Islam saya di Palestin, mudah-mudahan ianya diterima sebagai ganjaran amal soleh serta dapat meringankan beban mereka di bulan Ramadhan yang mulia ini.

Nama:

Alamat:

Tel (Home):

Tel (Mobile):

e-mail:

Perhatian: Borang penyertaan boleh dihantar melalui alamat:

Aman Palestin Berhad, No. 1, Jalan 3/3B, Seksyen 3, Bandar Baru, 43650, Selangor.

atau difaxkan : +603 8925 9963

atau hubungi terus pihak penganjur:

+603 8926 7019, +603 8925 5363, +603 8925 5371. Pembayaran boleh dilakukan dengan menggunakan cek atas nama Aman Palestin Berhad atau bank-in ke akaun dibawah ini:

Bank Islam: 12029010047880

Maybank: 562263010787

- Projek Majlis Sahur & Berbuka
Dalam Palestin & Lubnan

RM 40.00

- Projek Pakej Makanan Sekeluarga

RM 160.00

- Projek Pakaian & Hadiah Hari Raya

RM 180.00

“Sekiranya manusia tahu apa yang ada dibulan Ramadhan adalah kesemuanya dipenuhi dengan kebaikan, mereka akan berharap Ramadhan adalah setahun”

Maksud Hadith

Pastinya kehangatan Ramadhan yang semakin menjelang tiba menyebabkan umat Islam menantikannya dengan penuh pengharapan. Keazaman untuk melakukan yang terbaik bagi Ramadhan tahun ini dan pengharapan agar segala amalan yang dilaksanakan di bulan mulia ini diterima oleh Allah s.w.t. Justeru iatu ramai dikalangan umat Islam menggandakan amalan pahala mereka di bulan ini dengan janji pahala akan dilipgandakan.

Suasana menyambut kedatangan Ramadhan didahului dengan puasa sunat dan sedekah di bulan Rejab dan Syaaban iaitu persediaan-persediaan rohani untuk menyambut kedatangan Ramadhan.

Semuanya ini adalah berdasarkan keyakinan bahawa Allah s.w.t akan sentiasa melihat dan menghitung segala amalan yang dilakukan oleh seorang hamba yang penuh pengharapan kepada-Nya.

Nuh disana, saudara seaqidah dengan kita sebagai seorang Islam atau atas dasar sifat kemanusiaan bagi bukan Islam, rakyat Palestin berada di dalam penindasan yang berterusan sehingga 61 tahun lamanya.

Majlis Berbuka & Sahur di Masjid al Aqso



Projek di Kem Pelarian Palestin

Pakej Makanan Sekeluarga Pakaian & Hadian Hari Raya



"Barangsiapa yang melakukan satu amalan kebaikan padanya, maka baginya ganjaran seumpama melakukan amalan fardhu..."

"Barangsiapa yang memberi makan kepada orang yang berpuasa (sewaktu berbuka), maka baginya kemampuan terhadap dosa-dosanya, diselamatkan batang tengkuknya dari api neraka dan baginya ganjaran pahala yang sama seperti orang yang berpuasa itu tanpa berkurang walau sedikitpun".

Projek di Malaysia Kempen 1RM 1 Hari Kempen 1Tabung 1 Keluarga



Kempen yang dianjurkan sejajar dengan kempen yang dilakukan oleh badan-badan kebajikan di peringkat antarabangsa untuk membantu rakyat Palestin yang terdesak dalam Palestin akibat sekatan oleh pihak Yahudi, Barat & konco-konconya.

Sekatan ini bukan sahaja memberi kesan kepada elit politik tetapi yang lebih sengsara adalah masyarakat awam yang lebih banyak terjejas. Ini menambahkan lagi berat tanggungan mereka ke atas tanggungan yang sedia ada.